

Oleh Presiden
Dieter F. Uchtdorf

Penasihat Kedua di
dalam Presidensi Utama



Orang-orang Suci pada Segala Musim

Masa kanak-kanak saya berlaku pada tempat yang sangat indah dalam keempat-empat musim. Setiap bulan adalah sangat indah dan agung. Pada hari musim sejuk yang sempurna, salji jatuh pada gunung dan jalan. Hujan pada musim bunga membersihkan segala dan pokok-pokok dan tanaman membunga. Matahari bersinar pada langit tenang musim panas. Dan musim luruh yang istimewa mengubah alam semulajadi ke warna-warna oren, kuning, dan merah. Dari masa kanak-kanak sehingga hari ini, saya suka sifat-sifat dan keunikan setiap musim.

Kita juga ada musim yang berbeza dalam hidup kita. Ada musim yang panas dan baik. Ada musim yang tidak baik. Ada masanya dalam hidup kita indah seperti foto dalam kalendar. Ada juga hari dan keadaan yang menyebabkan kesakitan hati dan membawakan perasaan putus asa, kemarahan, dan kepahitan.

Saya pasti pada suatu masa kita semua fikir adalah baik untuk hidup pada satu tempat yang hanya penuh dengan musim yang sempurna dan elakkan masa teruk.

Tetapi ini tidak mungkin terjadi. Dan tidak harus diingini.

Bila saya renungkan kehidupan saya, adalah jelasnya banyak masa perkembangan yang terbesar saya berlaku semasa saya mengalami pengalaman yang sukar.

Bapa Syurgawi kita yang bijaksana tahu bahawa untuk anak-anak-Nya berkembang menjadi manusia yang harus mereka menjadi, mereka perlu mengalami musim kesukaran semasa perjalanan mereka pada hidup fana. Nabi Lehi dari Kitab Mormon berkata bahawa tanpa pertentangan, “kebenaran tidak dapat didatangkan” (2 Nefi 2:11). Sesungguhnya, kepahitan hidup membenarkan kita untuk mengenali, membeza, dan menghargai kemanisan hidup (lihat A&P 29:39; Musa 6:55).

Presiden Brigham Young kata: “Semua jiwa yang bijaksana yang ditakhtakan mahkota kemuliaan, kebaqaan, dan kehidupan kekal mesti mengalami setiap pengalaman pahit yang dipilih untuk dialami oleh jiwa-jiwa bijaksana, untuk memperoleh kemuliaan mereka. Manusia fana mesti menderita setiap malapetaka yang datang kepada mereka . . . untuk menyedia mereka untuk menikmati kehadiran Tuhan. . . . Setiap cubaan dan pengalaman yang anda alami diperlukan demi penyelamatan anda.”¹

Soalan yang kita harus jawab bukan adakah kita akan mengalami musim kesukaran tetapi bagaimana-kah kita akan bertindak terhadap kesukaran. Peluang kita semasa musim-musim hidup yang berubah-ubah adalah untuk memegang teguh kepada firman Tuhan,

nasihat-Nya yang tidak hanya menolong kita menahan pengalaman yang susah tetapi juga membimbing kita untuk mengatasi pengalaman-pengalaman itu. Bapa Syurgawi kita sudah berikan firman-Nya melalui para nabi-Nya — ilmu yang berharga yang diberikan untuk membimbing kita untuk melalui cabaran musim kesukaran yang menuju terhadap kebahagiaan dan terang kehidupan abadi. Adalah penting bagi pengalaman hidup untuk kita membina kekuatan, keberanian, dan integriti untuk memegang teguh kepada kebenaran dan kesolehan walaupun kita mengalami kesukaran.

Orang yang sudah dibaptis dan sudah terima kurnia Roh Kudus meletakkan jejak mereka pada jalan penganutan dan diperintah untuk mengikut jejak Juruselamat kita dengan setia dan dengan beriman.

Juruselamat ajar bahawa matahari terbit “untuk orang yang baik dan yang jahat. Dia menurunkan hujan untuk orang yang mentaati Tuhan dan juga yang tidak mentaati-Nya” (Matius 5:45). Kadang-kala kita tidak faham mengapa perkara yang susah dan tidak adil berlaku. Tetapi sebagai pengikut Kristus, kita percaya bahawa jika kita “carilah dengan tekun, berdoa selalu, dan percayalah, . . . segala sesuatu akan bekerja bersama demi kebaikan [kita], *jika* [kita] berjalan dengan lurus” (A&P 90:24; tekanan ditambahkan).

Sebagai ahli Gereja-Nya, sebagai Orang-orang Suci, kita melayan dengan gembira dan dengan hati yang rela dalam segala cuaca dan dalam segala musim. Bila kita buat demikian, hati kita dipenuhi dengan iman yang suci, harapan yang menyembuhkan, dan ihsan syurgawi.

Kita masih mesti melalui segala musim — yang indah dan yang susah. Walau apapun musim itu, sebagai pengikut Yesus Kristus, kita akan mendasarkan harapan kita di atas Dia semasa kita menuju terhadap terang-Nya.

Sebagai ringkasan, kita Orang-orang Suci Tuhan, ber tekad untuk belajar dari Dia, untuk mengasihi Dia, dan untuk mengasihi saudara-saudari kita. Kita penziarah pada jalan penganutan yang suci, and kita akan berjalan dengan teguh terhadap matlamat syurgawi kita.

Jadi, biarlah kita menjadi Orang-orang Suci pada musim bunga, musim panas, musim luruh, dan musim sejuk. Biarlah kita menjadi Orang-orang suci pada segala musim.

NOTA

1. *Teachings of Presidents of the Church: Brigham Young* (1997), 261–62.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presidensi Utama mengajar, “Sebahagian khutbah yang terbaik ialah nyanyian lagu rohani” (*Hymns*, ix). Semasa anda bincangkan pesanan ini, bertimbang untuk menyanyi bersama mereka yang anda ajar salah satu lagu rohani berikut atau lagu rohani lain yang mengenai menahan kesusahan: “How Firm a Foundation” (no. 85); “The Lord Is My Shepherd” (no. 108); atau “Let Us All Press On” (no. 243). Jika anda berasa tekanan Roh, kongsi cerita tentang satu musim yang susah yang menjadi satu berkat pada akhirnya dalam hidup anda.

REMAJA

Saya Dapat Lepaskan Keduakaan Saya Oleh Juan Zhu

Bila sahabat saya Brother Chen dan isterinya dibaptis dalam bahagian kami, saya berasa sangat gembira. Setahun selepas pembaptisan mereka, mereka dime-teraikan dalam bait suci, dan anak lelaki mereka yang sudah meninggal dunia sebelum mereka menjadi ahli Gereja dimeterai dengan mereka. Adalah sangat baik untuk menyaksi keluarga Chen berkembang dalam injil.

Kemudian Brother Chen dibunuh dalam satu kemalangan kereta pada tahun lepas. Selepas kemalangan itu, kematiannya selalu dalam fikiran saya dan saya selalu mimpi tentang perkara itu. Saya bangun dari tidur dengan air mata mengalir dan menanya berkali-kali, “Mengapa? Mengapa Tuhan benarkan tragedi begini berlaku? Mengapa perkara ini berlaku kepada keluarga yang baik ini?” Pada suatu hari, semasa saya berjuang dengan soalan-soalan ini, saya angkatkan satu buku manual pengajaran dan bacakan kata-kata berikut dari President Spencer W. Kimball (1895–1985):

“Jika kita anggapkan kefanaan sebagai segala kewujudan kita, jadi kesakitan, kesedihan, kegagalan, dan hidup yang pendek akan menjadi malapetaka. Tetapi jika kita anggapkan hidup ini sebagai satu perkara yang dilanjutkan dari kehidupan prafana dan ke hadap masa depan abadi selepas kematian, semua yang berlaku dapat dipandang dengan perspektif yang sesuai. . . .

“Tidakkah kita didedah kepada godaan untuk menguji kekuatan kita, kesakitan supaya kita boleh belajar

kesabaran, kematian supaya kita boleh menjadi baqa dan mulia?"¹

Pada saat itu, saya buat keputusan untuk melepaskan kedukaan saya dan memandang terhadap masa depan yang sudah dijanjikan. Saya lihat dalam akal saya Brother Chen bersatu dengan keluarganya dengan gembira. Ini bawakan saya kedamaian. Saya tahu bahawa Bapa Syurgawi akan berikan kita kebijaksanaan dan keberanian untuk menemui kesusahan.

Pengarang ini dari Taiwan.

NOTA

1. *Teachings of Presidents of the Church: Spencer W. Kimball* (2006), 15.

KANAK-KANAK

Melayan Dalam Segala Musim

President Uchtdorf mengajar bahawa kita harus "melayan dengan gembira dan secara rela dalam segala cuaca dan dalam segala musim." Bagaimana anda boleh melayan orang lain semasa musim sejuk? Bagaimana anda boleh melayan semasa musim bunga? Bagaimana pula dalam musim panas dan musim luruh? Tuliskan idea-idea anda untuk setiap musim. Anda mungkin hendak cuba gunakan salah satu idea anda bulan ini!



Iman, Keluarga, Pertolongan

sikap bergantung pada sendiri

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri. Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.

Sikap bergantung pada sendiri ialah satu keupayaan, komitmen, dan usaha untuk menyediakan demi kesihatan rohani dan jasmani bagi kita diri sendiri dan bagi keluarga kita.¹

Bila kita belajar dan mengaplikasikan asas-asas sikap bergantung pada sendiri dalam rumah tangga dan komuniti kita, kita berpeluang untuk menjaga orang yang miskin dan yang berkeperluan serta menolong orang lain menjadi bergantung pada sendiri supaya mereka boleh menahan masa kesusahan.

Kita mempunyai hak istimewa dan tugas untuk menggunakan hak pilihan kita untuk menjadi bergantung pada sendiri secara rohani dan jasmani. Elder Rober D. Hales dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata mengenai sikap bergantung pada sendiri secara rohani dan penganjutan kita kepada Bapa Syurgawi: “Kita menjadi penganut dan bergantung pada sendiri secara rohani bila kita menjaga perjanjian kita dengan penuh doa — melalui mengambil sakramen dengan layak, menjadi layak untuk memperoleh surat rekomen bait suci, dan berkorban untuk melayan orang lain.”²

Elder Hales menasihati kita untuk menjadi bergantung pada sendiri, “termasuk memperoleh pendidikan yang lebih lanjut selepas sekolah menengah atau pendidikan

vokasional, belajar untuk bekerja, dan hidup dengan jimat. Dengan mengelakkan hutang dan menyimpan wang sekarang, kita bersedia demi pelayanan sepenuh masa Gereja pada masa depan. Tujuan bergantung pada sendiri secara jasmani dan rohani adalah untuk memastikan kita terjamin supaya kita boleh menolong orang lain yang berkeperluan.”³

Dari Tulisan Suci

Matius 25:1–13; Timotius 5:8; Alma 34:27–28; Ajaran dan Perjanjian 44:6; 58:26–29; 88:118

Dari Sejarah Kita

Selepas Orang-orang Suci Zaman Akhir berkumpul di Lembah Salt Lake, satu gurun yang terpencil, Presiden Brigham Young inginkan mereka untuk berkembang dan menubuhkan rumah tangga yang tetap. Ini bererti Orang-orang Suci itu perlu belajar kemahiran yang akan membenarkan mereka untuk menjadi bergantung pada sendiri. Dalam usaha ini, Presiden Young percaya terhadap kapasiti, bakat, iman, dan kerelaan para wanita, dan dia menggalakkan mereka dalam tugas-tugas tertentu. Walaupun tugas-tugas para saudari Lembaga Pertolongan berbeza hari ini, asas-asasnya masih tetap:

- 1.** Belajar untuk suka bekerja dan mengelakkan kemalasan.
- 2.** Memperoleh sikap bergantung pada sendiri.
- 3.** Menerima tanggungjawab peribadi terhadap kekuatan rohani, kesihatan jasmani, pendidikan, pekerjaan, perihal kewangan, makanan, dan keperluan-keperluan lain yang menyokong hidup.
- 4.** Berdoa demi iman dan keberanian untuk menemui cabaran.
- 5.** Memperkukuhkan orang lain yang perlukan bantuan.⁴

NOTA

1. Lihat *Handbook 2: Administering the Church* (2010), 6.1.1.
2. Robert D. Hales, “Coming to Ourselves: The Sacrament, the Temple, and Sacrifice in Service,” *Liahona* dan *Ensign*, Mei 2012, 34.
3. Robert D. Hales, “Coming to Ourselves,” 36.
4. Lihat *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 51.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

- 1.** Bagaimana saya menolong para saudara yang saya jaga untuk mencari penyelesaian kepada keperluan jasmani dan rohani mereka?
- 2.** Adakah saya meningkatkan sikap bergantung pada sendiri secara rohani melalui bersedia untuk sakramen dan berkorban untuk melayan?